

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Sejarah Ringkas Bahasa Melayu

Bahasa Melayu pernah menjadi bahasa yang dinamis dan terulung dan mempunyai martabat yang tinggi di gugusan Kepulauan Melayu. Menurut Ajid Che Kob (1982: 530-540), sejarah kegemilangan bahasa Melayu dikatakan telah bermula kira-kira 1,500 tahun yang lalu. Lantaran itu, sejak dahulu lagi bahasa Melayu telah bertakhta di singgahsana keagungannya.

Menurut Ismail Hussein (1966: 36), keagungan bahasa Melayu bukan hanya lahir daripada emosi kemegahan orang Melayu sendiri, bahkan diakui juga oleh para cendekiawan dan pengembara Barat. Menurutnya lagi, seorang cendekiawam Belanda bernama Jan Huyghen van Linschoten yang pernah tinggal di Indonesia (1586 – 1652) telah merakamkan:

“... bahawa bahasa Melayu itu bukan sahaja sangat harum namanya, tetapi juga bahasa itu dianggap bahasa yang sehormat-hormatnya di antara bahasa negeri timur dan bahawa orang yang tiada tahu bahasa itu di Kepulauan Melayu dapatlah dibandingkan dengan orang yang tiada tahu bahasa Perancis di negeri Belanda pada zaman itu.”

Selain itu, seorang pendita bangsa Belanda, Francois Valentijn yang pernah datang ke Melaka pada tahun 1726, telah memberikan pandangannya tentang bahasa Melayu seperti yang berikut:

“Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh kepulauan Melayu dan di negeri-negeri sebelah Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis dan Latin di Eropah atau seperti bahasa Lingua Franca di Itali dan Levant. Sungguh luas tersebarnya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja dimengerti di Parsi bahkan lebih jauh daripada itu, dan di sebelah timurnya sehingga ke Kepulauan Filipina. Dan jika sekiranya awak tidak mengetahui bahasa ini awak dianggap sebagai orang yang tidak terpelajar di Timur.”

(dipetik daripada Ismail Hussein, 1966: 44)

Telah terbukti bahawa dahulu bahasa Melayu pernah tersebar luas di seluruh Asia Tenggara sebagai bahasa rasmi pemerintah, bahasa perhubungan antarabangsa, bahasa perdagangan dan juga bahasa ilmu pengetahuan.

Agak malang sekali bahasa Melayu telah dimangsai pihak penjajah Inggeris di Malaya. Keharuman serta sifat kedinamikan bahasa Melayu telah menyebabkan timbul rasa iri hati dan kebimbangan pihak penjajah Barat terhadap potensi dan kemampuan bahasa Melayu. Apabila pihak Inggeris bertapak dan berjaya mencengkam pemerintahan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu (bermula dengan Negeri-negeri Selat, kemudian Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan akhirnya Negeri-negeri Tak Bersekutu), martabat bahasa Melayu telah diperturunkan hingga ke tahap yang amat daif (Farid M. Onn, 1986: 24).

Menurut Farid M. Onn (1986: 23), akibat daripada sikap prejudis penjajah Inggeris terhadap bahasa Melayu, dan selari dengan dasar penjajah

yang mengutamakan bahasa Inggeris dalam segala urusan rasmi seperti pentadbiran dan pendidikan, mereka telah meletakkan bahasa Melayu di tahap yang hanya sesuai sebagai bahasa pengantar pendidikan rendah, dan bahasa untuk mendidik dan melahirkan tukang-tukang kayu dan petani-petani desa. Kedudukan bahasa Melayu telah disamatarafkan dengan bahasa-bahasa vernakular yang lain seperti bahasa Cina dan bahasa Tamil.

Awang Sariyan (1995: 6) mengatakan bahawa pengaruh bahasa Inggeris menjadi salah satu bahasa sumber utama dalam pemodenan negara ini. Salah satu punca wujudnya pencemaran bahasa ialah pengaruh bahasa Inggeris. Ini bukanlah bermakna bahawa bahasa Melayu telah kehilangan acuannya, tetapi para pengguna bahasa Melayu telah menyelaraskan rumus-rumus bahasa itu. Kekuatan bahasa Melayu terletak pada sifat kesederhanaan dan mudahnya sistem bahasa tersebut.

Dengan sifat kesederhanaan tersebut, bahasa Melayu dapat segera mencapai tingkat baku sebagai bahasa moden, dengan syarat segala dasar yang menjadi sendi sistem bahasa Melayu itu dipertahankan.

### **1.1.1 Asal Usul Bahasa Melayu**

Mempelajari asal-usul bahasa Melayu bermakna kita menyelidiki asal usul bangsa Melayu. Walaupun asal bahasa Melayu belum dapat ditentukan sehingga kini, namun para sarjana berpendapat asal bangsa Melayu ialah Dataran Asia (Asmah Hj. Omar, 1987: 396-409).

Bangsa Melayu dipercayai berasal dari Wilayah Yunan, China Selatan, antara tahun 2500 hingga 1500 sebelum masih. Bahasa Melayu pula tergolong dalam rumpun Austronesia. Istilah Austronesia ini telah diperkenalkan oleh sarjana linguistik bandingan, Wilhelm Schmidt dalam abad ke-15. Rumpun bahasa Austronesia ini terbahagi kepada tiga cabang, iaitu bahasa-bahasa Kepulauan Melayu, bahasa-bahasa Melanesia (antara lain termasuklah yang digunakan di Irian dan Kepulauan Karolina), dan bahasa-bahasa Polinesia (antara lain termasuklah bahasa Maori di New Zealand) (Ismail Hussein, 1966: 4).

Bahasa Melayu, pada mulanya, hanyalah merupakan satu daripada lebih kurang 200 bahasa dalam Kepulauan Melayu sahaja. Oleh itu, bahasa Melayu bukanlah bahasa yang penting ketika itu. Namun begitu, bentuk bahasa Melayu yang sederhana dan penerimaan segala unsur luar telah menjadikan bahasa Melayu satu bahasa yang terpenting dalam sejarah bahasa-bahasa di Kepulauan Melayu (Ismail Hussein, 1966: 5-6).

### **1.1.2 Bahasa Melayu Kuno**

Penemuan prasasti-prasasti di Sumatera Selatan dan Pulau Banka pada penghujung abad ke-7 menunjukkan struktur dan bentuk bahasa Melayu kuno. Prasasti-prasasti ini ditulis dalam huruf Palawa, iaitu tulisan India Selatan. Kesemua prasasti ini dijumpai di sekitar empayar Srivijaya yang menjadi pusat perdagangan utama pada ketika itu. Prasasti-prasasti yang ditulis di bawah

perintah raja membuktikan bahawa bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa pentadbiran, perdagangan dan bahasa kebangsaan.

Sebahagian daripada prasasti yang dijumpai di Kedukan Bukit, Palembang pada tahun 683 Masihi adalah seperti yang berikut:

Swasti Syri  
Syakawarsatita 605 ekadasyi  
*Syuklapaksa wulan Waisyakha dapunta*  
*hiyang naik disambau mengalap*  
siddhayatra  
*Di Saptami Syuklapaksa Wulan*  
*Jyestha dapunta hihyang marlapas*  
*dari Minanga Tamvan (Tamvar?)*  
mamawa jang bala dua laksa  
dangan..... dua ratus  
tsyara disambau dangan jalan  
*Saribu tlu ratiss sapuluh*  
*dua banyaknya. Datang*  
*di Matajap (Matanya?)*  
sukhatsyitta.  
*Di pantsyami syuklapaksa Wulan*  
..... laghu mudik datang  
*marwuat manua..... Syriwijaya*  
jayasiddhayatra subhiksa

Terjemahannya dalam bahasa Melayu moden adalah lebih kurang seperti berikut:

Selamat dan bahagia!  
Dalam Syaka 605, pada sebelas  
haribulan terang dari bulan  
Waisyakha Baginda naik kapal  
mencari untungnya.  
Pada tujuh haribulan terang dari  
bulan Jyestha Baginda berangkat  
dari Muara Tamvan (Tamvar?)  
membawa bala dua laksa dengan  
..... dua ratus pawang di kapal  
dengan yang berjalan kaki seribu  
tiga ratus dua belas banyaknya  
Datang di Matajap (Matanya?)  
sukacita.  
Pada lima haribulan terang dari  
bulan.... belajar mudik, datang

membuat benua .... Sriwijaya,  
kota yang jaya, yang berbahagia  
dan yang makmur.

(Dipetik daripada Ismail Hussein, 1966: 16-17)

Ini ialah contoh daripada apa yang dinamakan **Bahasa Melayu Kuno**. Tinggalan bahasa Melayu zaman ini yang ada sekarang sedikit sekali, iaitu lebih kurang dalam 50 baris, tetapi memadailah untuk menunjukkan beberapa sifat yang terpenting untuk menjadi bahan perbandingan dengan bahasa-bahasa yang digunakan dalam masa selanjutnya.

### 1.1.3 Bahasa Melayu Klasik

Bahasa Melayu klasik ialah bahasa yang terdapat dalam tulisan-tulisan antara abad ke-14 hingga penghujung kurun ke-19. Manusrip yang paling tua ditemui ialah *Aqaid Al-Nasafi* yang ditulis dalam tahun 1590.

Menurut Nik Safiah Karim (1989: 13), susunan biasa sesuatu ayat bahasa Melayu ialah subjek diikuti oleh predikat. Dalam bahasa Melayu klasik susunan sebaliknya lebih digemari, iaitu mendepangkan predikatnya sama ada secara keseluruhan atau bahagian-bahagiannya.

Sebagai contoh:

- a) Hatta setelah itu, datanglah Bendahara dengan segala hulubalang-hulubalang.
- b) Masuk ia ke dalam kampung orang itu.

Dalam bahasa Melayu klasik, sebahagian besar ayat terdiri daripada deretan ayat tunggal atau yang terdiri daripada berbagai-bagai jenis keterangan. Contohnya:

- c) .... tersebutlah perkataan Kampar, Maharaja Jaya nama rajanya, Pekan Tua nama negerinya, asalnya daripada Raja Minangkabau.

Sifat perbendaharaan kata bahasa Melayu klasik dan bahasa Melayu moden amat berbeza. Ini ditambah pula dengan pengaruh bahasa asing yang berlainan seperti bahasa Arab dan bahasa Sanskrit. Di antara contoh-contohnya ialah:

- a) kalakian maka tersebutlah cetera Maharaja Syurgaloka dihadap oleh Hyang Navada di balai gading yang berukir serta dengan sekalian betara-betara seperti Betara Kala, Betara Bayu dan Betara Indera dan Betara Brahma dan .....
- b) Setelah genap tujuh hari baginda memberi takziah kepada ayahandanya itu, berhenti tiada nobat, maka sampai kepada delapan harinya. Maka muafakatlah Raja Muda dengan segala orang besar dan segala anak raja akan persesembah nobal serta hendak mengatur adat seperti dahulu kala.

#### 1.1.4 Bahasa Melayu Zaman Perantaraan

Munsyi Abdullah merupakan pelopor kesusasteraan Melayu moden. Walau bagaimanapun, Abdullah masih menggunakan ciri-ciri bahasa Melayu klasik. Oleh yang demikian, tidak dapat dinyatakan bahawa bahasa beliau merupakan bahasa Melayu moden. Namun demikian, beliau tidak menggunakan unsur-unsur bunga bahasa. Ayat-ayatnya pula padat dan kemas. Ini membuktikan bahawa bahasa Munsyi Abdullah mempunyai unsur klasik dan unsur moden. Contohnya,

Sebermula maka adalah kira-kira delapan sembilan bulan aku bertekun mengaji dan menulis itu. Maka tinggilah sudah bacaanku; maka makinlah terbuka jalan pengajian itu kepadaku. Maka adalah waktu tengah hari, lepas-lepas mengaji, aku perbuat layang-layang lidi kecil, kujuual pada budak-mudak, satu duit harganya.

(Abdullah bin Abdul Kadir, Munsyi, 1974: 23)

### 1.1.5 Bahasa Melayu Moden

Bahasa Melayu moden merupakan bahasa Melayu yang tidak menggunakan ciri-ciri bahasa klasik. Tidak dapat dinyatakan dengan tepat bila bahasa Melayu moden bermula kerana sifat bahasa sendiri yang berkembang secara evolusi.

Dengan perkembangan ini, ciri-ciri bahasa Melayu klasik hilang peringkat demi peringkat. Bahasa Melayu berkembang selaras dengan perjuangan politik tanah air. Pertubuhan-pertubuhan dan institusi-institusi yang turut mengembangkan bahasa Melayu adalah seperti Angkatan Sasterawan 50 (Asas 50), Lembaga Bahasa Melayu, Persatuan Pelajar-pelajar Maktab Perguruan Bahasa, dan Persatuan Penulis Nasional (PENA).

Bahasa Melayu moden juga mula digunakan dalam bidang pendidikan dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Bahasa Melayu telah dirancang dan telah melalui peringkat-peringkat perancangan bahasa, iaitu penghasilan buku-buku tatabahasa, pedoman ejaan, kamus, sistem sebutan dan istilah-istilah khusus yang standard. Kini bahasa Melayu berada pada

peringkat pengembangan, iaitu peringkat pembentukan laras-laras bahasa yang berbeza berdasarkan ilmu pengetahuan moden dan gaya (Nik Safiah Karim, 1989: 76).

## 1.2 Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan

Menjelang tarikh Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957, barulah bahasa Melayu dipilih dan diangkat semula tarafnya sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini jelas terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan (kemudian Perlembagaan Malaysia), Perkara 152, seperti yang berikut:

“Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh Parlimen.”

(Perlembagaan Malaysia)

Pemilihan satu bahasa kebangsaan bagi Malaysia timbul sebab perlunya diadakan satu lambang penyatuan dalam menentukan identifikasi kebangsaan. Penubuhan satu bahasa kebangsaan juga timbul daripada desakan semangat kebangsaan yang mahukan bahasa penjajah diambil alih oleh bahasa Melayu. Dasar bahasa kebangsaan dianggap bermula dengan idealisme, iaitu untuk menyaksikan satu rupa bangsa yang bersatu, memupuk ciri-ciri pengenalan rakyat yang relatif seragam, dan menobatkan bahasa Melayu sebagai sarana komunikasi yang berkesan dalam sektor-sektor penting negara.

Butir-butir perlumbagaan tersebut telah dipersetujui bersama oleh tiga kaum terbesar di Malaysia pada waktu itu. Bahasa Melayu ialah bahasa perhubungan antara masyarakat yang berlainan. Bahasa Melayu ialah bahasa bumiputera di Malaysia. Oleh yang demikian, pilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia merupakan pilihan yang tepat.

Mohamed Suffian Hashim (1972: 277) menulis bahawa semasa perlumbagaan negara sedang dirangka, “*.... our leaders decided that an independent Asian country could not continue to use English as an official language if it wanted to unite its people, and accordingly they agreed that it should be written into the constitution that there must be a national language and that language should be Malay, or Bahasa Malaysia as it is now called.*”

Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak dibuat tanpa sebarang asas. Sesungguhnya bukan mudah memartabatkan sesuatu bahasa sebagai bahasa kebangsaan yang dapat diterima oleh pelbagai kaum di sesebuah negara. Demikian jugalah halnya dengan bahasa Melayu yang diterima pakai bukan sahaja sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran negara, bahkan diterapkan pula dalam dasar pendidikan negara. Penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara pada asasnya bergantung kepada beberapa faktor sebagaimana yang diuraikan secara sepintas, iaitu dalam para pendahulu di atas.

Proses pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terbit daripada keperluan untuk berpegang pada satu lambang perpaduan, memelihara

kepentingan kebangsaan dan menunjukkan identiti bangsa serta memaparkan sifat keunggulan kesatuan tersebut. Penentuan dasar tersebut bermula sejak sebelum kemerdekaan oleh golongan politik Melayu dalam UMNO yang telah berjaya menegaskan perjuangannya untuk mendaulatkan bahasa Melayu setelah berjaya menghapuskan Malayan Union.

Taraf atau kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1971, iaitu selepas Parlimen Malaysia meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu digunakan di dalam semua urusan rasmi atau untuk segala tujuan pentadbiran negara. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu berfungsi sebagai lambang kedaulatan dan perpaduan negara (Ainon Mohamad dan Baharuddin Zainal, 1985: 1).

### **1.3 Bahasa Melayu Sebagai Mata Pelajaran dan Bahasa Pengantar**

Bahasa Melayu yang digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah Melayu hingga ke peringkat Darjah Enam sejak 1958 telah digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah Melayu yang kemudiannya menjadi sekolah menengah kebangsaan.

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris di Semenanjung dan Sabah telah ditukar bahasa pengantar secara berperingkat-peringkat. Pada bulan Januari 1968, lima mata pelajaran diajarkan dalam bahasa Melayu bagi Darjah Satu hingga Darjah Tiga. Mata pelajaran tersebut ialah Pelajaran Jasmani,

Ilmu Kesihatan, Seni Lukis, Pertukangan Tangan, Pelajaran Tempatan dan Muzik. Mata pelajaran Tatarakyat, Sejarah, dan Geografi telah diajarkan dalam bahasa Melayu bagi Darjah Empat pada tahun 1969.

Pada tahun 1970, semua mata pelajaran darjah satu, melainkan Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda yang lain diajarkan dalam bahasa Melayu. Pada tahun 1975, semua sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Pelaksanaannya di Sarawak pula dimulakan pada tahun 1977 untuk pelajar darjah satu.

Matlamat kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah telah tercapai dengan sepenuhnya. Mulai 1981, semua sekolah menengah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar hingga ke Tingkatan Enam Rendah. Bahasa Melayu telah dilaksanakan sebagai mata pelajaran wajib di semua jenis sekolah rendah dan menengah.

Kedudukan bahasa Melayu semakin mantap dan terbukti mampu menjadi bahasa pengantar pada semua tahap pendidikan, iaitu peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Mulai 1983, semua kursus tahun pertama diajarkan dalam bahasa Melayu. Dengan ini, terbuktilah bahawa bahasa Melayu sudah dapat berfungsi sebagai bahasa ilmu. Ungkapan penghuraian yang jelas dalam bahasa Melayu, termasuklah penghuraian dalam konteks ilmu yang abstrak, sekaligus juga telah menaikkan tarafnya sebagai bahasa ilmu yang lengkap dengan ciri-ciri keintektualan dan kesempurnaan.

### **1.3.1 Bahasa Vernakular Lain**

Bahasa-bahasa vernakular lain terhad kepada kelompok-kelompok penuturnya sahaja. Bahasa Cina digunakan dengan meluas dalam sektor perniagaan kerana penglibatan mereka dalam bidang tersebut begitu meluas. Bahasa Tamil digunakan dalam bidang perniagaan, perhubungan dan intrakelompok masyarakat penutur bahasa Tamil.

Bahasa Mandarin dan Tamil diteruskan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah yang berkenaan. Di sekolah-sekolah kebangsaan pula, mereka berhak meminta diajarkan bahasa Tamil dan Mandarin sekiranya terdapat lima belas orang pelajar atau lebih yang memerlukannya. Radio dan Televisyen Malaysia juga memberi kedudukan dan kepentingan yang amat baik kepada kedua-dua bahasa ini dalam rancangan mereka.

Walaupun bahasa Melayu telah dijadikan bahasa kebangsaan, kedudukan dan kepentingan bahasa-bahasa vernakular lain sentiasa menjadi perhatian kerajaan supaya tidak ada masyarakat yang tertindas oleh peraturan perkembangan tersebut.

### **1.3.2 Mata Pelajaran Bahasa Melayu di Tingkatan 4 dan 5 Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian**

Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian di Malaysia tidak ketinggalan menggunakan bahasa Melayu sebagai satu mata pelajaran. Sukatan yang digunakan adalah sama seperti yang disediakan oleh Kementerian

Pendidikan Bahasa Malaysia kepada Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan. Berikut merupakan huraian sukatannya:

- **Matlamat**

Pendidikan Bahasa Malaysia sekolah menengah bertujuan membimbing pelajar menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tak rasmi dan kreatif melalui lisan dan penulisan (Rumi atau Jawi) selaras dengan dasar Pendidikan Kebangsaan.

Matlamat pendidikan Bahasa Malaysia sekolah menengah adalah untuk membolehkan pelajar:

1. Menghargai dan membanggakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara serta alat perpaduan rakyat sesuai dengan prinsip-prinsip Rukunegara.
2. Memahami sistem Bahasa Malaysia dari segi bentuk, makna dan fungsinya serta menggunakan dengan tepat dalam kehidupan harian.
3. Menggunakan Bahasa Malaysia dengan berkesan dalam bidang ilmu pengetahuan.
4. Menggunakan Bahasa Malaysia dengan berkesan dalam perhubungan harian.
5. Membaca pelbagai bahan sebagai satu amalan untuk menimba ilmu pengetahuan dan memenuhi masa lapang.

- **Objektif Pendidikan Bahasa Malaysia**

Pendidikan Bahasa Malaysia sekolah menengah akan terus memperkuuh dan meningkatkan penguasaan berbahasa pelajar. Objektif pengajaran dan pembelajaran pendidikan Bahasa Malaysia sekolah menengah adalah untuk membolehkan pelajar:

1. Mendengar, memahami dan menilai pertuturan dalam siaran am dan media massa.
2. Bertutur dengan fasih dan lancar serta dapat memberikan pendapat dan hujah-hujah yang kritis dan analitis dalam pelbagai situasi.
3. Membaca pelbagai jenis bahan dengan cekap dan kritis serta dapat membuat tafsiran, penilaian dan rumusan yang wajar.
4. Membaca, memahami dan menghayati pelbagai bahan sastera dan ilmiah.
5. Menghasilkan pelbagai jenis penulisan.

- **Penekanan Pendidikan Bahasa Malaysia**

Kecekapan berbahasa bagi pelajar Tingkatan IV perlu dipertingkatkan untuk mencapai ketrampilan berbahasa mereka, agar mereka boleh berbicara, berpidato, menilai dan mengulas dengan kritis dalam pembicaraan, pembacaan dan penulisan. Mereka juga harus dapat menghasilkan penulisan kreatif yang berbentuk keperihalan, fakta, cereka dan imaginasi, serta perbincangan yang panjang minimumnya 300 patah perkataan. Pelajar perlu didedahkan dengan bahan-bahan pembelajaran yang mencabar dan merangsang daya pemikiran mereka. Aras bahasa yang digunakan hendaklah aras bahasa yang tinggi sesuai dengan kematangan mereka.

Kecekapan berbahasa bagi pelajar-pelajar Tingkatan V perlu dimantapkan untuk mencapai ketrampilan berbahasa mereka, agar mereka boleh berbicara, berpidato, berhujah secara membina dan mengulas dengan kritis dan analitis dalam pembicaraan, pembacaan dan penulisan. Mereka juga harus dapat menghasilkan penulisan kreatif yang berbentuk keperihalan, fakta, cereka dan imaginasi, serta perbincangan yang panjang minimumnya 350 patah perkataan. Pelajar perlu didedahkan dengan bahan-bahan pembelajaran yang mencabar dan merangsang daya pemikiran mereka. Aras bahasa yang digunakan hendaklah aras bahasa yang tinggi sesuai dengan kematangan mereka.

Kandungan huriaian Sukatan Pelajaran terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1984) untuk tingkatan empat dan lima dapat dilihat dalam lampiran I.

#### 1.4 Penyataan Masalah

Masalah kesalahan bahasa bukanlah perkara baharu dalam masyarakat Malaysia. Hal ini sudah lama disedari oleh ahli-ahli dan pejuang bahasa di negara kita. Menurut Nik Safiah Karim (1986), “Faktor-faktor seperti perkembangan yang terlalu pesat tanpa kawalan rapi, di samping terdapat sifat kesederhanaan di kalangan penuturnya terhadap penggunaan bahasa Melayu yang elok serta kejahiran penutur tentang hukum-hukum bahasa menyebabkan timbulnya pencemaran bahasa”.

Pengajaran semua mata pelajaran di Sekolah-sekolah Menengah Cina

Persendirian menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, kecuali bagi mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua dan dengan yang demikian hanya digunakan pada waktu pengajaran dan pembelajaran bahasa berkenaan sahaja. Dalam perkara ini terdapat ketidakseimbangan penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar di sekolah-sekolah tersebut yang menguasai bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar berbanding pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan yang menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Kebanyakan pelajar yang menguasai bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar menggunakan ciri-ciri bahasa ibunda tersebut ketika berfikir dan menulis sehingga menyebabkan mereka melakukan kesilapan dalam penulisan bahasa Melayu.

Guru-guru Sekolah Menengah Persendirian Cina di negeri Selangor kebanyakannya terdiri daripada bukan penutur jati. Mereka juga tidak terdiri daripada kalangan guru yang menerima latihan formal. Terdapat segelintir guru yang bertutur dalam bahasa Mandarin walaupun semasa mengajar mata pelajaran bahasa Melayu. Penggunaan serta pemakaian bahasa yang berbagai-bagai itu akan mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di kalangan para pelajar. Dengan itu, sudah tentulah para pelajar akan sering melakukan kesilapan bahasa.

Terdapat juga pelajar yang menganggap bahawa bahasa Melayu tidak penting kerana mereka bercadang untuk ke luar negara bagi melanjutkan pelajaran. Oleh yang demikian, mereka memandang ringan terhadap mata pelajaran ini. Tambahan pula, ada di antara guru mereka juga yang mempunyai pendapat yang sama. Inilah puncanya mereka bersikap ‘acuh tak acuh’ terhadap penggunaan bahasa Melayu.

Setakat ini tidak terdapat sebarang penyelidikan yang dilakukan berkaitan dengan permasalahan yang disebutkan di atas. Lebih-lebih lagi belum ada kajian khusus tentang kesilapan bahasa yang pernah dilakukan di Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian di Selangor secara serentak. Atas sebab tersebutlah pengkaji terdorong untuk melakukan kajian seperti itu untuk mengenal pasti kelemahan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang berkenaan dan dengan yang demikian dapat pula menggariskan cara-cara untuk memperbaikinya.

### **1.5 Tujuan Kajian**

Kajian ini dilakukan dengan kesedaran betapa perlunya penggunaan bahasa yang betul di kalangan penutur-penutur supaya keutuhan dan kewibawaan bahasa Melayu dapat dipertingkatkan. Kalau diteliti dengan mendalam, ternyata bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang indah dan senang difahami berbanding dengan bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain. Oleh itu, penggunanya perlulah menepati hukum-hukum yang terdapat dalam bahasa Melayu kerana perkara ini bukanlah suatu hal yang sangat sukar. Apa

yang diperlukan ialah keinginan untuk menguasai bahasa dengan baik dan sedikit usaha untuk memperhatikan dan mempelajari bentuk bahasa yang betul.

Menyedari hakikat inilah, penyelidik telah melakukan kajian ini untuk mengenal pasti kesilapan ejaan, morfologi dan sintaksis dalam penulisan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Cina Persendirian di Selangor secara keseluruhan. Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan kepada:

- i. Meninjau secara umum penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian di negeri Selangor.
- ii. Mengenal pasti kesalahan ejaan, morfologi dan sintaksis dalam penulisan menurut beberapa faktor penting, iaitu:
  - jantina
  - aliran akademik
  - pencapaian peperiksaan pertengahan tahun
  - kekerapan bertutur dalam bahasa Melayu di sekolah dan di luar sekolah
  - minat belajar bahasa Melayu, minat membaca dan mendengar puisi serta minat membaca dan mendengar cerita
  - kekerapan meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah
  - persekitaran dan kawasan tempat tinggal
- iii. Membuat perbandingan terhadap pencapaian bahasa Melayu
- iv. Mengemukakan beberapa cadangan bagi mengatasi kelemahan penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Dijangkakan bahawa kajian ini akan memberi faedah-faedah seperti yang berikut:

- i. Menyediakan bahan bagi membantu guru mata pelajaran Bahasa Melayu merangka dan merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan. Di samping itu, mereka boleh menjadikan kajian ini

panduan dalam menyediakan bahan-bahan pengajaran dan menentukan pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran yang sesuai bagi kelas-kelas yang dibimbing oleh mereka.

- ii. Menyediakan bahan bagi membantu pegawai-pegawai yang terlibat dalam perancangan dan pembinaan kurikulum bahasa Melayu di sekolah-sekolah berkenaan. Mereka boleh menjadikan jenis-jenis kesilapan penggunaan tatabahasa bahasa Melayu sebagai maklumat untuk membaiki sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu agar lebih berkesan.
- iii. Kajian ini boleh menjadi bahan rujukan kepada penyelidik yang berminat dalam pengajaran bahasa, sama ada bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa asing di semua peringkat.
- iv. Semua pihak dapat meninjau keupayaan penggunaan bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar dan dengan itu dapat mengetahui masalah psikologi dan linguistik yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tersebut.
- v. Pihak-pihak tertentu dapat memikirkan sesuatu strategi pengajaran yang lebih mantap.

- vi. Pihak-pihak tertentu dapat memilih, menghasilkan serta menerbitkan bahan-bahan pengajaran serta buku teks yang sesuai untuk pelajar-pelajar yang berkenaan.

### **1.7 Bidang Kajian**

Analisis bertumpu kepada tiga aspek, iaitu kesalahan ejaan, kesalahan morfologi, dan kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah-sekolah Cina Persendirian di negeri Selangor.

Kesalahan ejaan difokuskan kerana aspek ini merupakan satu daripada aspek kesalahan bahasa yang sering dilakukan. Kesalahan ejaan terbit daripada kejadian pelajar-pelajar berkenaan mengeja sesuatu perkataan ataupun mengeja mengikut sebutan berdasarkan bahasa ibunda mereka.

Pengkaji juga meneliti kesalahan tatabahasa bahasa Melayu yang dilakukan oleh pelajar-pelajar berkenaan dengan membataskannya kepada kekerapan kesilapan, iaitu morfologi dan sintaksis, yang dikumpulkan daripada ujian karangan. Aspek morfologi yang terdiri daripada penggunaan golongan kata dan kata tugas dimasukkan di dalam kajian kerana pemilihan perkataan yang tidak sesuai atau salah atau perkataan yang tidak perlu ada di dalam ayat akan menyebabkan pembentukan ayat yang salah.

Aspek sintaksis pula yang terdiri daripada binaan ayat-ayat yang digunakan kerana struktur ayat yang tidak betul akan membentuk ayat yang

salah disebabkan oleh kejanggalan dan ketidakgramatisan konstituen-konstituen yang mengisi frasa-frasa subjek dan predikat, serta frasa-frasa lain.

Pengkaji menggunakan buku *Tatabahasa Dewan* Edisi Baharu, karangan bersama oleh Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood sebagai pedoman dalam menentukan ‘salah’ atau ‘betul’ semua aspek ‘golongan kata’ dan ‘kata tugas’ serta ‘ayat majmuk’ dan ‘ayat tunggal’. Pengkaji juga menggunakan buku *Pengaruh Sintaksis Bahasa Inggeris Dalam Bahasa Melayu Dengan Rujukan Kamus Terhadap Laras Bahasa Ilmiah* oleh Awang Sariyan sebagai rujukan untuk menentukan ‘salah’ atau ‘betul’ dalam aspek struktur ayat terjemahan bahasa Inggeris.

### **1.7.1 Tempat Kajian**

Kajian ini terbatas kepada empat buah sekolah Menengah Cina Persendirian di Selangor. Kebetulan pula kesemua sekolah tersebut terletak di Daerah Klang. Keempat-empat buah sekolah tersebut mempunyai pelajar-pelajar lelaki dan juga perempuan. Sekolah-sekolah yang berkenaan ialah:

- a) Sekolah Menengah (Persendirian) Hin Hua,  
141, Persiaran Raja Muda Musa,  
41200 Klang
- b) Sekolah Menengah (Persendirian) Chung Hua,  
129, Jalan Kota Raja,  
4100 Klang
- c) Sekolah Menengah (Persendirian) Pin Hua,  
13, Jalan Goh Hock Huat,  
41400 Klang

- d) Sekolah Menengah (Persendirian) Kwang Hua,  
1, Jalan Serindik 17,  
Kawasan 17, Taman Eng An,  
41150 Klang

#### **1.7.2 Populasi Kajian**

- a) Sampel kajian ini mengandungi 400 orang pelajar dari empat buah sekolah yang tersebut di atas tadi.
- b) Sampel terbatas kepada pelajar-pelajar Tingkatan IV dari 4 buah sekolah Menengah Cina Persendirian di Selangor.
- c) Pecahan sampel menurut jantina ialah 229 pelajar lelaki dan 171 pelajar perempuan.

#### **1.7.3 Tumpuan Kajian**

- a) Kajian ini tertumpu kepada analisis kemahiran menulis karangan dalam bahasa Melayu.
- b) Pelajar dikehendaki menulis sebuah karangan berbentuk fakta (sila lihat lampiran). Jumlah perkataan yang ditetapkan ialah 350 patah perkataan, iaitu sama seperti jumlah perkataan bagi karangan dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Tujuan ujian ini diadakan adalah untuk memperoleh data kajian.

- c) Meneliti kesilapan morfologi dan sintaksis berdasarkan karangan yang tersebut di atas.
  
- d) Aspek morfologi terdiri daripada penggunaan golongan kata. Pemilihan perkataan dilihat dari segi yang tidak sesuai atau salah perkataan atau perkataan yang tidak perlu yang terdapat di dalam sesuatu ayat yang pasti akan menyebabkan pembentukan ayat salah.
  
- e) Aspek sintaksis dilihat dari segi binaan ayat. Struktur ayat yang tidak betul akan membentuk ayat yang salah disebabkan ketidakgramatisan konstituen-konstituen yang mengisi frasa-frasa subjek dan predikat.

## **1.8 Definisi Konsep**

Beberapa istilah khusus telah digunakan dalam tesis ini. Istilah-istilah tersebut adalah seperti yang berikut:

### **i. Kesalahan Bahasa**

Nik Safiah Karim (1980: 10) mengatakan bahawa kesalahan bahasa merupakan penggunaan bahasa yang melanggar peraturan-peraturan bahasa yang telah dipersetujui, sama ada pada peringkat sebutan, pilihan kata atau susunan frasa dan ayat.

Awang Had Salleh (1981: viii) pula berpendapat bahawa kesalahan bahasa ialah penggunaan yang salah daripada segi tatabahasa.

## ii. **Tatabahasa**

Tatabahasa ialah bidang yang menumpukan perhatian terhadap pembentukan kata dan proses pembinaan ayat sesuatu bahasa. Mengikut Nik Safiah Karim (2002: 160) bahasa terdiri daripada kumpulan ayat yang tidak terbilang jumlahnya. Ayat pula terdiri daripada rentetan perkataan yang bermakna. Perkataan dibina daripada gabungan bunyi-bunyi dalam sesuatu bahasa yang bermakna menjadi suku kata dan perkataan.

Dalam istilah ilmu linguistik, bidang huraihan pada peringkat perkataan disebut ‘morfologi’ sementara bidang huraihan pada peringkat ayat diberi nama ‘sintaksis’. Dalam kajian ini, aspek morfologi, meliputi pemilihan perkataan, penggunaan imbuhan, penggunaan bentuk-bentuk kata ganda, penggunaan kata sendi nama, penggunaan kata bilangan, penggunaan kata bantu, penggunaan kata penegas, penggunaan kata tanya, penggunaan kata hubung dan penggunaan kata pemeri. Aspek sintaksis pula meliputi struktur ayat aktif, struktur ayat pasif, struktur ayat terjemahan bahasa Inggeris, struktur ayat majmuk gabungan, struktur ayat majmuk pancangan, dan struktur ayat majmuk campuran.

Mashudi Hj. Kader (1979) mendefinisikan bahasa Melayu baku seperti yang berikut:

*"... the variant used in mass communication (e.g. Radio and Television Malaysia), in formal instruction, in government establishments and at public meetings. It is also the variety used between speakers of different regional varieties and by some of educated multiracial populations in both the formal and informal communication".*

Menurut Nik Safiah Karim (1996: 22), bahasa standard atau baku ialah bahasa yang telah menerima pengekodan atau penyeragaman dari aspek-aspek tatabahasa, ejaan, makna dan sebutan. Bahasa baku ini digunakan dalam konteks penggunaan rasmi dan situasi-situasi formal yang lain.

Kesimpulannya, bahasa Melayu baku merujuk bahasa yang digunakan dalam situasi-situasi rasmi seperti dalam surat rasmi, laporan, iklan pekerjaan, minit mesyuarat dan sebagainya. Tujuan pembakuan bahasa adalah untuk menimbulkan identiti yang lebih jelas sebagai tanda wujudnya bangsa dan negara kita.